

# Latar Belakang Mahkota

**MAHKOTA** yang diilhamkan oleh **Sultan Abu Bakar** itu dibuat oleh sebuah firma yang membuat barang kemas untuk istana Inggeris, iaitu syarikat **J.W Benson** yang berpangkalan di London.

Mahkota itu dipadankan daripada Mahkota British yang bernama '**King Edward's Crown**' tetapi diubah suai mengikut cita rasa dan kehendak Sultan Abu Bakar.

Baginda mahu **lambang** dan **simbol Islam** diguna pakai seperti **bulan sabit** dan **bintang** serta **kalimah Allah** dan **Muhammad** diletakkan menyambung empat bintang pecahan lima di kemuncak mahkota yang memberi makna beliau menjunjung tinggi agama Islam yang merupakan agama rasmi negeri.



## Mahkota:

- ♦ Kalimah Allah disusun daripada **37 butir delima**
- ♦ Kalimah Muhammad disusun daripada **58 butir zamrud**
- ♦ Mahkota itu diperbuat daripada **campuran emas dan perak** dengan berat keseluruhan **1.6 kilogram**
- ♦ Mahkota itu bertatahkan **permata intan berlian, enam butir delima merah, 12 butir nilam biru, enam butir zamrud**
- ♦ Balang mahkota dihiasi oleh **2,745 butir berlian**

## Mahkota Permaisuri:

- ♦ Mahkota diperbuat daripada **logam emas putih**.
- ♦ **Tiga butir delima burma, empat butir nilam, empat butir zamrud, sebutir berlian besar, diiring 10 butir berlian saiz sederhana dan 1,908 butir berlian kecil.**

## KEMAHKOTAAN

**Pertabalan** - Adat Raja-raja Melayu apabila disahkan naik takhta

**Tabal** - Perkataan Arab bermaksud gendang diguna dalam alat nobat 'ditabalkan'- 'dinobatkan'

**Kemahkotaan** - Meletakkan Mahkota di kepala raja

♦ Johor negeri pertama mengadakan mahkota untuk Rajanya (1886). Sultan Johor disahkan, dimasyhurkan dan ditabalkan dengan mengangkat sumpah dalam istiadat ringkas sebelum pemakaman almarhum Raja yang mangkat.

♦ Peraturan ini adalah mengikut kehendak Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor 1895.

♦ Kemahkotaan diadakan pada bila-bila masa Raja berkehendakkan selepas pemasyhuran.

♦ Kemahkotaan adalah tradisi dan budaya istana, bukan dengan kehendak undang-undang. Namun begitu, mahkota dan kemahkotaan memperkasakan kedaulatan Raja, memartabatkan penghormatan dan mengesahkan kesahihan pelantikan.

♦ Dalam sejarah Johor Moden telah berlaku tiga Istiadat Kemahkotaan sebelum ini:

♦ **29 Julai 1886**  
Sultan Abu Bakar

♦ **7 September 1895**  
Sultan Ibrahim

♦ **10 Februari 1960**  
Sultan Ismail

♦ Almarhum Sultan Iskandar tidak dimahkotakan atas kehendak baginda kerana baginda telah dimasyhurkan mengikut undang-undang dan keprihatinan perbelanjaan untuk kebajikan rakyat.